



NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAMBAHAN KEPADA
WARTA KERAJAAN
BAHAGIAN II

Disiarkan dengan Kebenaran

SUPPLEMENT TO
GOVERNMENT GAZETTE
PART II

Published by Authority

Bahagian/Part II]

HARI SELASA/TUESDAY 1st. FEBRUARY, 2011

[Bil./No. 3

Bil. S 4

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2010/2011) (BIL. 1), 2011

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 56/09) bertarikh 24 haribulan November, 2009 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu sembilan ratus lapan puluh lima juta, tujuh ratus lapan puluh lima ribu, enam ratus ringgit (\$4,985,785,600.00) telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan (2010/2011), 2010 (Akta 1 tahun 2010);

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak enam belas juta, tiga ratus enam puluh tiga ribu ringgit (\$16,363,000.00);

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2010/2011) (Bil. 1), 2011.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2010/2011, peruntukan dan penggantian jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi enam belas juta, tiga ratus enam puluh tiga ribu ringgit (\$16,363,000.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2010/2011, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2010/2011), 2010 (Akta 1 tahun 2010) adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Penggantian jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang ketiga bagi jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang keempat dari Jadual ialah jumlah-jumlah wang yang didahulukan dari Kumpulanwang Luarjangka yang diwujudkan oleh bab 10(1) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

[1] Tajuk	[2] Gelaran	[3] Jumlah Yang Diperuntukkan kepada Tajuk	[4] Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Luarjangka
JABATAN PERDANA MENTERI			
SA04A	Biro Kawalan Narkotik	\$75,000.00	\$75,000.00
KEMENTERIAN PENDIDIKAN			
SF01A	Jabatan Kementerian Pendidikan	\$7,800,000.00	\$7,800,000.00
KEMENTERIAN KESIHATAN			
SM01A	Jabatan Kementerian Kesihatan	\$6,000,000.00	\$6,000,000.00
SM02A	Jabatan Perkhidmatan Perubatan	\$2,488,000.00	\$2,488,000.00
		\$16,363,000.00	\$16,363,000.00

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1432 bersamaan dengan 24 haribulan Januari, 2011 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**